

Sekularisasi Kolonial Perancis di Tunisia (1881-1956): Analisis Impak terhadap Sosial Masyarakat

French Colonial Secularization in Tunisia (1881–1956): An Analysis of its Impact on Social

Zaid Husaini Kamis*

Jabatan Sejarah Tamadun dan Pendidikan Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

**Corresponding author: zhusaini786@gmail.com*

Article history

Received: 2025-05-05 Received in revised form: 2025-09-30 Accepted: 2025-10-20 Published online: 2026-02-28

Abstract

Secularization is derived from the word "secular," which refers to worldly matters, being non-religious and unrelated to religion, as defined by the Dewan Bahasa Dictionary (Fourth Edition). Secularization, which is synonymous with the term "secularizing," refers to the process of transforming religious values into worldly values. Thus, the purpose of this study is to explain French colonial secularization, referring to the process of reducing religious influence within society across various aspects, including politics, social life, and the economy. This secularization continued even after Tunisia gained independence. The methodology of this study applies the documentation method in collecting qualitative data, utilizing comparative, deductive, and inductive approaches. The findings of the study reveal that the secularization implemented by the French colonial administration transformed the religious landscape in Tunisia, altering the identity and culture of Tunisian society that persisted even after French decolonization.

Keywords: Secularisation, France colonial, Religious Landskap, Identity, Tunisia

Abstrak

Sekularisasi merupakan perkataan yang terhasil dari sekular yang bermaksud berkaitan dengan keduniaan, bersifat duniawi dan tidak berkaitan dengan keagamaan yang didefinisikan oleh Kamus Dewan Bahasa Edisi ke-Empat. Sekularisasi yang disinonimkan dengan perkataan pensekularan pula bermaksud proses mengubah nilai-nilai keseluruhan keagamaan kepada nilai kehidupan duniawi. Justeru, tujuan kajian adalah untuk menjelaskan sekularisasi kolonial Perancis merujuk kepada proses pengurangan nilai keagamaan dalam masyarakat dari segenap aspek merangkumi politik, sosial dan ekonomi. Sekularisasi ini berterusan sehingga pasca kemerdekaan Tunisia. Metodologi bagi kajian ini mengaplikasikan kaedah dokumentasi dalam pengumpulan data-data kualitatif yang memanfaatkan pendekatan komparatif, deduktif dan induktif. Dapatan kajian mendapati bahawa sekularisasi yang dilaksanakan oleh kolonial Perancis mengubah landskap keagamaan di Tunisia yang mengubah identiti dan budaya masyarakat Tunisia yang berkekalan hingga pasca dekolonisasi Perancis terhadap Tunisia.

Keywords: Sekularisasi, Kolonial Perancis, Landskap Keagamaan, Identiti, Tunisia

1.0 PENDAHULUAN

Keterjalinan sejarah antara kolonialisme dan struktur masyarakat kontemporari merupakan aspek penting dalam memahami warisan kolonial Barat, terutamanya di wilayah seperti Tunisia yang telah dijajah oleh Perancis dari tahun 1881 hingga tahun 1956. Implikasi kolonialisme Perancis telah meresap ke dalam pelbagai dimensi masyarakat Tunisia, mempengaruhi tadbir urus, budaya, dinamik sosial, serta membentuk identiti negara pasca-kolonial. Pelaksanaan pemerintahan kolonial Perancis secara signifikan mengganggu struktur sosial tradisional dan model pemerintahan di Tunisia yang asalnya bersumber kepada syariat Islam (Dalenda Larguèche, 2011). Menurut Cavatorta dan Merone, era kolonial membawa kepada pemisahan yang ketara dalam identiti dan sistem pemerintahan, dengan pentadbiran kolonial memaksakan pemerintahan sekular yang meminggirkan identiti Islam (Francesco Cavatorta and Fabio Merone, 2013).

Peminggiran identiti Islam ini berakar dari ideologi sekularisme Perancis yang mempunyai ciri yang tersendiri, berbeza dengan spektrum pengamalan sekularisme negara Barat yang lain. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis sekularisasi kolonial Perancis di Tunisia, yang memfokuskan berkenaan proses sekularisasi yang dilakukan oleh kolonial Perancis terhadap masyarakat Tunisia. Perkara ini penting untuk dihuraikan kerana ia menjadi batu asas kepada perubahan landskap keagamaan di Tunisia yang dimulakan oleh sekularisasi kolonial Perancis dan kemudiannya diteruskan oleh pemerintahan Tunisia iaitu Habib Bourguiba dan Ben Ali. Justeru, kajian ini sangat signifikan untuk diketengahkan dalam menghuraikan perubahan Tunisia dari sebuah negara yang mempunyai ketamadunan Islam yang ulung (sebagai bukti, wujudnya Universiti Zaituna yang merupakan Universiti tertua dalam ketamadunan Islam yang telah melahirkan sejumlah besar ilmuwan antaranya Ibn Khaldun dan Tahir Ibn Ashur) kepada negara yang berpegang kepada prinsip sekular. Namun, kajian ini hanya menyentuh sekularisasi yang dilakukan Perancis dan perbincangan berkenaan sekularisasi Habib Bourguiba dan Ben Ali akan diketengahkan pada perbahasan lain.

Lantaran itu, dalam memahami perubahan landskap keagamaan di Tunisia, kajian ini akan membahaskan aspek penting iaitu orientasi ideologi sekularisme Perancis yang menjadi asas kepada pelaksanaan sekularisasi yang dilakukan. Seterusnya, kajian ini akan menjelaskan usaha sekularisasi yang dilakukan. Perbahasan kajian ini diakhiri dengan analisis impak sekularisasi kolonial Perancis terhadap masyarakat Tunisia khususnya dari aspek sosio-politik.

2.0 KAJIAN LITERATUR

Dalam konteks Tunisia, kedatangan Perancis pada tahun 1881 telah membawa transformasi besar dalam struktur politik dan sosial negara tersebut. Ibtissem menjelaskan bahawa kolonialisme Perancis memperkenalkan pentadbiran yang bersifat sekular dengan mengurangkan peranan institusi keagamaan seperti Mahkamah Syariah dan madrasah (Ibtissem, 2021). Ben Salah, Cedric dan Fourati dalam kajian mereka menegaskan bahawa penjajah Perancis berusaha memisahkan agama daripada politik dan pendidikan melalui pelaksanaan sistem pendidikan sekular yang meminggirkan bahasa Arab dan kurikulum Islam tradisional (Ben Salah, Cedric dan Fourati, 2024). Nagwa Megahed dan Stephen Lack pula meneliti bagaimana pengaruh Perancis menyebabkan pendidikan agama Islam dikurangkan peranannya secara signifikan dan digantikan dengan pendidikan moden ala Perancis yang menekankan nilai-nilai kebangsaan Perancis dan penguasaan bahasa Perancis (Nagwa Megahed dan Stephen Lack, 2011). Rory McCarthy menambah bahawa proses ini tidak hanya melibatkan institusi, malah menyentuh aspek nilai sosial dan budaya seperti perundangan keluarga, gaya hidup, dan peranan wanita dalam masyarakat (Rory McCarthy, 2014).

Menurut Gaumer, Perancis juga berusaha menggantikan undang-undang Islam dengan undang-undang sekular, satu langkah yang mencetuskan tentangan hebat daripada para ulama dan sebahagian besar rakyat yang melihatnya sebagai serangan langsung terhadap identiti dan nilai mereka (Gaumer, 2005). Kesan sekularisme paling ketara dapat dilihat dalam sektor pendidikan, di mana sekolah-sekolah sekular diperkenalkan sebagai alat untuk melahirkan golongan elit Tunisia baharu. Namun begitu, sistem pendidikan ini sering menyebabkan ramai anak muda terpisah daripada ajaran dan amalan Islam tradisional, yang seterusnya mewujudkan jurang generasi serta ketegangan identiti (Melliti & Benamara, 2023). Kajian Kennet Perkin menjelaskan penjajahan Perancis menandakan perubahan besar dalam sistem pemerintahan, di mana pihak berkuasa Perancis berhasrat untuk menanamkan sistem pendidikan sekular serta amalan pentadbiran moden (Kenneth Perkin, 2014).

Melihatkan kepada kajian literatur yang dibentangkan, pengkaji menyimpulkan sekularisasi yang berlaku di Tunisia banyak tertumpu kepada proses dan usaha sekularisasi yang dilakukan oleh kolonial Perancis tanpa menghubungkait dengan jelas impak sekularisasi tersebut terhadap masyarakat Tunisia, terutamanya dalam aspek sosio-politik. Walaupun terdapat kajian yang menyentuh berkenaan impak terhadap masyarakat Tunisia seperti kajian Gaumer, namun ia hanya menyentuh secara permukaan dan tidak membina analisis yang berfokus. Justeru, jurang kajian ini membolehkan kajian dilaksanakan dalam usaha memenuhi kelompangan tersebut.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif. Data-data berhubung isu yang dikaji iaitu sekularisasi kolonial Perancis di Tunisia (1881-1956) dikumpulkan melalui metode dokumentasi yang merujuk sumber primer, dikukuhkan oleh sumber sekunder yang menjadi majoriti rujukan pengkaji. Hasil dokumentasi ini membincangkan seputar isu dan perkembangan sekularisasi Perancis terhadap masyarakat Tunisia. Sumber primer yang dirujuk oleh pengkaji adalah akhbar Tunisia iaitu *La Dépêche Tunisienne* yang merupakan akhbar berbahasa Perancis yang diterbitkan di Tunisia semasa era penjajahan Perancis (akhir abad ke-19 hingga pertengahan abad ke-20). Akhbar ini berfungsi sebagai lidah rasmi golongan kolonial Perancis dan sering menonjolkan ideologi sekular Perancis, khususnya dalam bentuk dasar *laïcité*. Ia banyak memaparkan isu politik, ekonomi, dan sosial dari perspektif kolonial, serta menekankan “kemodenan Barat” berbanding tradisi Islam tempatan. Selain itu, Deklarasi 1789 dan Undang-undang Perancis 1905 turut menjadi rujukan tambahan untuk sumber primer bagi kajian ini. Kemudian, sumber-sumber sekunder terdiri dari kajian-kajian lepas yang menyentuh berkenaan sekularisasi yang dilakukan oleh Perancis di Tunisia yang pengkaji dapati pada sumber pengkalan data yang diindeks seperti Jstor, Scopus dan carian tambahan seperti google scholar. Data-data tersebut kemudiannya di analisis melalui metode induktif dan deduktif ketika membuat rumusan berhubung isu-isu yang menyentuh impak sekularisasi Perancis terhadap masyarakat Tunisia dari aspek sosial.

4.0 IDEOLOGI SEKULARISME KOLONIAL PERANCIS

Perkembangan sekularisme di Barat merupakan satu proses sejarah yang kompleks, dipengaruhi oleh interaksi antara agama, politik, dan transformasi sosial. Perjalanan menuju sekularisme boleh dijejaki sejak zaman Pencerahan (Enlightenment) yang membawa perubahan besar dalam pemikiran tentang peranan agama dalam pemerintahan dan kehidupan awam. Ahli falsafah seperti John Locke dan Voltaire menentang hubungan erat antara kuasa negara dan autoriti agama, serta menggalakkan toleransi dan pemisahan antara gereja dan negara sebagai asas kepada

masyarakat moden (Bordagnova et al, 2017). Perancis yang dibarisi oleh ramai ahli falsafah, memainkan peranan signifikan terhadap perubahan Perancis yang didasari oleh ideologi sekularisme seperti Jean Jacques Rousseau (1712-1778), Rene Descartes (1596-1650), Montesquieu (1689-1755) dan Auguste Comte (1798-1857).

Namun, sekularisme di Perancis mempunyai keunikan yang tersendiri iaitu ia ditandai oleh sekularisme *laicite*, yang mencerminkan hubungan Perancis dengan autoriti agama yang menjurus kepada perubahan identiti nasional dan integrasi sosial. Sekularisme di Perancis ditandai permulaannya pada tahun 1789 melalui *The Declaration of the Right of Man and of Citizen* (Déclaration des Droits de l'Homme et du Citoyen, 1789) yang mempunyai 17 artikel yang mendasari hak-hak asasi termasuk penekanan terhadap kebebasan beragama dan bebas dari tekanan agama, sekaligus mengurangkan autoriti gereja di Perancis yang sebelumnya berakar kuat dengan sistem feudalisme. Kemudian, berlaku perkembangan sekularisme yang lebih signifikan di Perancis melalui *The French Law of 9 December 1905 concerning the Separation of Churches and State* (Loi du 9 décembre 1905 concernant la séparation des Églises et de l'État, 1905) yang mempunyai 44 artikel. Undang-undang 1905 menekankan bahawa prinsip utama dalam sistem pentadbiran negara mempunyai dua artikel iaitu artikel 1 memberi kebebasan hak asasi kepada individu di Perancis manakala artikel 2 menekankan negara tidak mengiktiraf agama dalam sistem pentadbiran dengan menyatakan segala aktiviti keagamaan adalah tidak tertakluk pada pembiayaan kerajaan dan hanya akan ditanggung oleh komuniti masyarakat. Undang-undang 1905 ini menandakan peralihan besar pendekatan Perancis terhadap agama, yang menekankan neutraliti dalam urusan awam dan menghadkan peranan agama dalam pentadbiran serta kehidupan awam (Francesco Ragazzi, 2023). Idea-idea awal republik bergantung pada kepercayaan bahawa sekularisme akan membentuk identiti nasional yang bersatu dengan mengurangkan pengaruh Gereja, sekali gus mengutamakan kebebasan individu berbanding keterikatan terhadap agama (Jane Freedman, 2004). Justeru, sekularisme *laicite* dapat dicirikan kepada tiga aspek iaitu kebebasan beragama (setiap individu bebas untuk mengamalkan atau tidak mengamalkan mana-mana agama), neutraliti negara (negara tidak memihak dan memberi keistimewaan kepada mana-mana agama) dan pemisahan agama dan negara (institusi awam, termasuk sekolah dan perkhidmatan kerajaan tidak boleh dipengaruhi agama). Ideologi kolonial Perancis ini menjadi asas kepada implementasi sekularisme *laicite* terhadap negara dibawah jajahan, khususnya terhadap Tunisia yang menjadi subjek perbincangan.

Lantaran itu, asas ideologi Perancis yang didasari oleh sekularisme *laicite* memperlihatkan pengaruh dasar Perancis terhadap Tunisia. Pemaksaan nilai sekular *laicite* keatas Tunisia dilihat mempunyai agenda untuk memisahkan agama daripada pentadbiran negara, dengan matlamat mengubah struktur sosial dan politik Tunisia. Tunisia yang terkenal dengan pengamalan Islam dimana pada ketika itu berada pada fasa islah yang dilakukan oleh Khairuddin at-Tunisi, menunjukkan pengaruh kuat Islam terhadap sosio-politik (Zaid Husaini, 2024). Justeru, pengaruh kuat agama ini menjadi halangan utama kolonial Perancis yang perlu dihapuskan. Selain itu, proses sekularisasi terhadap Tunisia turut mempunyai objektif yang lebih luas iaitu asimilasi budaya dan pemodenan Perancis terhadap masyarakat tempatan, yang menatijahkan kurangnya penentangan masyarakat tempatan disebabkan keselarian ideologi yang wujud kesan dari sekularisasi (Mélodine Sommer, 2017). Bagi merealisasikan agenda dan matalamat tersebut, kolonial Perancis melaksanakan pelbagai prinsip pembaharuan yang bertujuan untuk menyusun semula masyarakat Tunisia mengikut prinsip sekular, disamping mengurangkan pengaruh institusi Islam dalam masyarakat (Jonathan Hauser, 2021). Pendekatan ini membuktikan peranan sekularisasi yang dilaksanakan oleh kolonial Perancis dalam konteks perkembangan Islam di Tunisia yang menunjukkan fasa menguncup semasa tempoh penjajahan Perancis (1881-1956) yang memberi impak kepada perubahan landskap keagamaan di Tunisia khususnya aspek sosial.

5.0 SEKULARISASI KOLONIAL PERANCIS

Pada 12 Mei 1881, Perjanjian Bardo ditandatangani menjadikan Perancis berkuasa ke atas Tunisia secara rasmi. Perjanjian ini membolehkan Perancis mengawal dasar luar dan ketenteraan Tunisia. Dalam masa yang sama, Perancis turut berkuasa dalam mencampuri urusan negara Tunisia yang meliputi pendidikan, ekonomi dan pentadbiran. Perjanjian Bardo menjadi titik perubahan yang signifikan kerana ia secara efektif menghilangkan kedaulatan Tunisia dan meletakkannya di bawah pemerintahan kolonial Perancis. Pentadbiran kolonial Perancis kemudian melaksanakan pelbagai pembaharuan yang bertujuan memodenkan ekonomi dan infrastruktur (Clement M. Henry, 2015). Namun, pembaharuan yang dilakukan memberi implikasi yang ketara terhadap landskap keagamaan di Tunisia ditandai oleh sekularisme *laïcité* yang menjadi pegangan Perancis. Sekularisme *laïcité* menjadi faktor utama aplikasi sekularisasi di Tunisia meliputi aspek reformasi pendidikan, kemasukan undang-undang sivil, penstrukturan undang-undang keluarga, budaya hedonisme, dan isu kesetaraan gender (Larbi Sadiki, 2001).

Salah satu usaha signifikan kolonialisme Perancis yang mengamalkan sekular *laïcité* adalah implementasi pendidikan sekular yang mengorbankan sistem pendidikan Islam tradisional (La Dépêche Tunisienne, 1897). Pihak berkuasa Perancis berusaha mewujudkan kerangka pendidikan moden yang sejajar dengan objektif kolonial yang sekular dalam mengurangkan peranan institusi Islam (Ben Salah, Cedric dan Fourati, 2024). Ini jelas terlihat dalam penubuhan sekolah berbahasa Perancis dan promosi kurikulum yang menekankan mata pelajaran sekular semata, sekaligus mengenyampingkan pendidikan agama. Penjajah melihat pendidikan Islam sebagai potensi ancaman terhadap autoriti mereka menyebabkan pengabaian sekolah agama yang dikenali sebagai *kuttub*, yang sebelum ini menjadi pusat pembelajaran Islam di Tunisia (Ben Salah, Cedric dan Fourati, 2024).

Selain itu, pentadbiran kolonial Perancis terhadap pendidikan Tunisia adalah menggunakan sistem dwi yang bertujuan mewujudkan jurang antara golongan elit dengan penduduk tempatan.

Selain itu, aspek sekularisasi yang disentuh oleh kolonial Perancis adalah melalui kemasukan budaya barat yang terdiri dari aspek hedonisme melampau yang meliputi pembinaan kelab malam, kemasukan minuman arak dan etika pemakaian wanita yang bercanggah dengan prinsip Islam. Pihak kolonial Perancis sering menggambarkan hijab sebagai lambang penindasan, untuk mewajarkan usaha pemodenan dalam memisahkan agama dari kehidupan masyarakat. Perspektif ini bukan sahaja berlegar pada pemerintahan kolonial Perancis, namun ia berterusan hatta selepas kemerdekaan yang dilihat mempengaruhi tanggapan buruk masyarakat Tunisia terhadap pemakaian hijab (Noorjehan dan Sumayya Ebrahim, 2020). Bahkan, naratif kolonial yang menggambarkan hijab sebagai simbol kemunduran menjadi asas pegangan pemimpin Tunisia selepas kemerdekaan yang menatijahkan tekanan dan penindasan terhadap pemakaian hijab di Tunisia.

Seterusnya, aspek sekularisasi yang disentuh kolonial Perancis adalah melalui pelaksanaan undang-undang yang memisahkan agama daripada negara, mencerminkan prinsip *laïcité* yang menjadi teras ideologi republik Perancis (Rory McCarthy, 2024). Pihak berkuasa Perancis berusaha untuk menerapkan tradisi undang-undang mereka khususnya Kod Napoleon, yang menekankan hak individu dan pemerintahan sekular (Berna Oney, 2021). Pentadbiran kolonial menubuhkan mahkamah yang beroperasi di bawah undang-undang Perancis, sekali gus melemahkan autoriti mahkamah syariah di Tunisia. Dualisme undang-undang ini mencetuskan landskap perundangan yang kompleks di mana undang-undang Perancis dan Islam wujud bersama, namun keutamaan adalah pada undang-undang Perancis berbanding undang-undang Islam menyebabkan ketegangan

dan konflik mengenai bidang kuasa dan autoriti (Ibtissem, 2021). Selain itu, aspek undang-undang yang turut disentuh oleh kolonial Perancis adalah penstrukturan semula undang-undang kekeluargaan, merupakan satu lagi aspek perubahan penting undang-undang yang diperkenalkan semasa era kolonial. Pihak berkuasa kolonial Perancis melaksanakan pembaharuan yang bertujuan untuk mengawal selia perkahwinan dan perceraian, dalam usaha mempromosikan kesaksamaan gender. Sebagai contoh, Kod Status Peribadi 1956 dipengaruhi oleh kerangka undang-undang kolonial Perancis yang menghapuskan poligami dan menetapkan asas undang-undang untuk perkahwinan dan perceraian (Berna Oney, 2021). Pembaharuan dilakukan dengan tujuan memajukan hak wanita, namun ke tahap bercanggah dengan syariah. Pertentangan antara pemodenan dan nilai-nilai tradisional mencetuskan perbalahan bahkan hingga selepas pasca-revolusi Arab. Disamping itu, kolonial Perancis turut melaksanakan pembaharuan undang-undang yang mentakrifkan semula status undang-undang tanah wakaf. Pada tahun 1885, mereka mendesak Bey untuk mengeluarkan dekri yang mengeluarkan tanah wakaf daripada bidang kuasa undang-undang Islam, secara efektif meletakkan aset keagamaan ini ke dalam statut undang-undang kolonial (Roland Riachi dan Giuliano Martiniello, 2023). Dengan menyingkirkan peranan qadi dan menggantikannya dengan hakim kolonial, kolonial Perancis memonopoli undang-undang ke atas pengurusan dan pengagihan harta wakaf, sekali gus melemahkan sistem tadbir urus tanah tempatan (Sulphia Ul'hak, 2016). Perampasan harta wakaf digunakan sebagai taktik oleh Perancis untuk melemahkan asas kewangan institusi keagamaan dan komuniti tempatan. Kolonial Perancis mensasarkan modal ekonomi yang berasal daripada wakaf, mengalihkan hasil yang sepatutnya menyokong aktiviti keagamaan komuniti ke dalam perbendaharaan Perancis bertujuan untuk eksploitasi ekonomi dan menghakis pengaruh institusi agama di Tunisia sekali gus memperkukuh dominasi Perancis dalam negara (Abdelkader, 2021).

6.0 IMPAK SEKULARISASI PERANCIS TERHADAP SOSIAL MASYARAKAT TUNISIA

Kehadiran kolonial Perancis di Tunisia, yang ditubuhkan melalui sistem protektorat pada tahun 1881, memberikan kesan mendalam ke atas masyarakat Tunisia, termasuk perubahan merangkumi aspek politik, ekonomi dan khususnya sosial. Penjajahan Perancis memperkenalkan perubahan ketara dalam norma dan amalan sosial, membawa kepada pemodenan tetapi pada masa yang sama menghakis nilai-nilai tradisional masyarakat Tunisia yang sekian lama telah diadun dengan prinsip Islam. Oleh itu, pengkaji akan memperihalkan impak sekularisasi Perancis terhadap sosial masyarakat Tunisia sosial yang meliputi aspek pendidikan, kebudayaan dan perundangan.

Impak pertama sekularisasi Perancis dapat dikesan melalui usaha reformasi sistem pendidikan Tunisia dengan penerapan secara meluas pendidikan sekular Perancis bagi menggantikan pengajian agama dalam masyarakat Tunisia. Sebelum penjajahan kolonial Perancis, Islam memainkan peranan penting dalam kehidupan sosial Tunisia khususnya sistem pendidikan melalui kewujudan institusi seperti Universiti Zaituna, yang berfungsi sebagai pusat pendidikan dan fatwa. Kolonial Perancis memperkenalkan sistem pendidikan sekular yang berasaskan kurikulum Barat dan bahasa Perancis disebabkan oleh empat faktor utama iaitu mewujudkan pendidikan untuk rakyat Perancis yang berada di Tunisia dan mengurangkan pengaruh agama dalam sistem pendidikan di Tunisia (Nagwa Megahed dan Stephen Lack, 2011). Hal Ini menjadikan bahasa Perancis menjadi bahasa dominan dalam pentadbiran dan pendidikan, menggantikan bahasa Arab sebagai bahasa utama dalam sektor rasmi. Pengajaran pendidikan sekular didalam bahasa Perancis yang dijadikan arus perdana mewujudkan dualisme pendidikan, di mana sistem pendidikan Islam dan tradisional dipinggirkan sementara pendidikan sekular Perancis lebih diutamakan bagi mereka yang ingin

memasuki sektor pekerjaan rasmi (Nagwa Megahed dan Stephen Lack, 2011). Pendidikan kolonial yang menggunakan bahasa Perancis sebagai medium pengajaran, menyebabkan berlaku polarisasi dalam masyarakat tradisional yang mengutamakan bahasa Arab dan pendidikan Islam. Sistem ini bukan sahaja mempromosikan budaya dan bahasa Perancis, tetapi juga berusaha menanam kesetiaan kepada rejim kolonial dalam golongan mereka yang berpendidikan tinggi (Nagwa Megahed and Stephen Lack, 2018). Tambahan, golongan yang tidak mendapat pendidikan formal Perancis terpaksa kekal dalam pekerjaan tradisional seperti pertanian dan buruh kasar yang membataskan peluang pekerjaan. Sebaliknya, mereka yang menerima pendidikan kolonial diberi kelebihan dalam mendapatkan pekerjaan pentadbiran atau perkhidmatan yang lebih baik. Sistem ini secara tidak langsung memberi tanggapan buruk bahawa golongan berpendidikan agama tidak mempunyai masa depan yang cerah disebabkan oleh peluang pekerjaan yang terhad (Nagwa Megahed and Stephen Lack, 2018). Sedangkan, pendidikan di Tunisia sebelum kehadiran Perancis sudah mempunyai sistem pendidikan yang lengkap yang terdiri dari pengajian matematik, geografi, sejarah dan pentadbiran yang menghasilkan graduan yang berkualiti hasil dari transformasi pendidikan yang dilaksanakan oleh Khairuddin at-Tunisi yang disokong oleh ramai tokoh pemikir Tunisia lain seperti Muhammad Diyaf dan Tahir Ibn Ashur (Zaid Husaini, Roslan Mohd Nor dan Aizan Ali, 2022). Kesan sekularisasi pendidikan menjadikan masyarakat Tunisia secara beransur mengabaikan pendidikan agama dan lebih memfokuskan pendidikan sekular Perancis semata. Hal ini membawa perubahan ketara dalam landskap pendidikan agama, di mana ajaran Islam dipinggirkan dan sering digantikan dengan ideologi sekular sejajar dengan kepentingan Perancis. Perubahan ini memberi kesan jangka panjang terhadap identiti keagamaan masyarakat Tunisia (Nagwa Megahed and Stephen Lack, 2018).

Selain itu, impak sekularisasi kolonial Perancis terhadap pendidikan adalah wujudnya kasta masyarakat iaitu golongan elit Tunisia mendapat pendidikan sekular Perancis dan golongan marhaen menerima pengajian agama semata yang tidak mempunyai peluang cerah untuk bekerja dalam sektor awam (Nagwa Megahed dan Stephen Lack, 2011). Keadaan ini mewujudkan polarisasi dalam masyarakat yang mana kesannya kekal hingga pasca-kemerdekaan dimana golongan elit rata-rata menyokong dasar sekularisasi kerajaan dan golongan marhaen yang berada di kampung menyokong dasar Islam. Namun, disebalik polarisasi tersebut, kewujudan golongan elit Tunisia yang menginginkan kemerdekaan kesan dari peminggiran masyarakat tempatan dalam pentadbiran negara pada fasa kolonial Perancis menyebabkan kemunculan sentimen nasionalis dan anti-kolonial pada awal hingga pertengahan abad ke-20, membawa kepada kritikan dasar kolonial menjadi pencetus kepada kemerdekaan Tunisia pada 1956 (Zaimeche, 1994).

Impak kedua sekularisasi kolonial Perancis terhadap sosial masyarakat Tunisia adalah perubahan kebudayaan masyarakat melalui kemasukan budaya hiburan melampau dan hedonisme yang berasaskan kepada hiburan barat. Perkara ini dapat dilihat melalui kemunculan pusat-pusat hiburan seperti kelab malam, pub dan teater sebagai tempat aktiviti sosial penduduk Perancis dan masyarakat tempatan (Gabriele Montalbano, 2019). Tempat-tempat ini sering menampilkan muzik, tarian, arak dan persembahan teater Barat yang mencanggahi budaya tradisional dan keagamaan Tunisia. Lambakan industri hiburan ini menyumbang kepada perubahan norma sosial serta mempromosikan budaya hiburan melampau yang sebelum ini kurang menonjol dalam masyarakat Tunisia. Perkara ini memberi kesan kepada masyarakat Tunisia khususnya kepada mereka yang tinggal di pusat bandar dimana aktiviti-aktiviti hiburan yang disertai adalah bercanggah dengan ajaran Islam, seterusnya mengubah sosial masyarakat dari pengamalan ajaran Islam kepada masyarakat yang terpengaruh dengan budaya hedonisme barat.

Selain itu, impak sekularisasi Perancis terhadap kebudayaan masyarakat adalah berlaku perubahan pemakaian khususnya kepada wanita Tunisia. Kemunculan pemakaian wanita Eropah yang moden dan terdedah yang tidak membataskan pergerakan mula menjadi kebiasaan di Tunisia sejak penjajahan Perancis. Pada waktu tersebut, wanita Eropah di Tunisia bukan sahaja terlibat dalam urusan rumah tangga, bahkan turut terlibat dalam sektor pekerjaan yang mana merupakan perkara asing dalam kalangan wanita Tunisia (Greta Bonanno, 2019). Wanita Tunisia pada waktu itu dipantau rapi dan aktiviti utama wanita hanya pada urusan domestik dan rumahtangga disamping interaksi sosial wanita dengan dunia luar adalah minima. Sebagai bukti, Alexandra Betgeorge dalam kajiannya menyatakan wanita tempatan di kota Tunis hanya dibenarkan melawat jiran di rumah bersebelahan dengan menggunakan rangkaian atas bumbung dan bukannya jalan utama (Alexandra Betgeorge, 2010). Justeru, wanita Tunisia semakin cenderung untuk memiliki kebebasan sebagaimana wanita Eropah menyebabkan wujudnya gerakan Feminis di Tunisia yang semakin popular, dimana kemunculannya dikesan bermula pada tahun 1920-an (Greta Bonanno, 2019). Wanita Eropah dianggap sebagai simbol kemodenan dan kemajuan oleh golongan feminis menjadikan elemen pemakaian mereka ingin ditiru, secara tidak langsung memberi kesan kepada pemakaian tudung yang menjadi tradisi pakaian wanita di Tunisia. Gerakan feminis di Tunisia menyeru wanita untuk membuka tudung yang dilihat sebagai simbol kemunduran dan penindasan terhadap wanita (Greta Bonanno, 2019). Hal ini kerana pemakaian tudung di Tunisia yang dinamakan sebagai *safsari* merupakan hijab tradisional wanita Tunisia memberi kesukaran kepada wanita untuk bergerak secara bebas disebabkan reka bentuk yang terdiri dari pemakaian sehelai kain putih panjang yang dilekatkan pada pinggang dan menutup seluruh badan. Pemakaian ini menjejaskan peluang mereka untuk partisipasi dalam masyarakat secara komprehensif (Greta Bonanno, 2019). Tambahan, pelaksanaan dasar yang mengehadkan pemakaian hijab di institusi awam oleh kolonial Perancis yang menganggap tudung sebagai simbol politik yang mencabar identiti sekular memburukkan keadaan (Nagwa Megahed and Stephen Lack, 2011).

Impak ketiga Sekularisasi Perancis di Tunisia dari aspek sosial adalah melalui reformasi sistem perundangan di Tunisia yang terdiri dari mengurangkan fungsi mahkamah syariah, dan melemahkan sistem tadbir urus wakaf di Tunisia. Pengurangan fungsi mahkamah syariah melemahkan kedudukan institusi agama sebagai rujukan utama dalam kehidupan sosial masyarakat. Dengan pelaksanaan mahkamah sivil yang berasaskan undang-undang Perancis, autoriti mahkamah syariah semakin terpinggir. Qadi yang sebelum ini berfungsi sebagai pengadil dalam hal ehwal keluarga, pernikahan, pewarisan, serta penyelesaian konflik masyarakat Islam, digantikan dengan hakim kolonial menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap sistem tradisi mereka kerana undang-undang Islam yang dahulunya berperanan sebagai asas keharmonian sosial tidak lagi diberikan kuasa penuh (Dede Ahmad Permana, 2020). Pelemahan ini menyebabkan masyarakat kehilangan arah dalam menjadikan agama sebagai teras perundangan dan sosial, lantas membuka ruang kepada krisis legitimasi sosial di mana masyarakat terhimpit antara mengikuti sistem kolonial atau mempertahankan tradisi Islam. Justeru, pengurangan fungsi mahkamah syariah memberi kesan sosial kepada masyarakat secara tidak langsung.

Selain itu, usaha melemahkan institusi wakaf oleh kolonial Perancis turut memberi kesan sosial kepada masyarakat Tunisia (Ashraf Booley, 2019). Sebelum kedatangan Perancis, wakaf memainkan peranan besar sebagai tonggak kebajikan sosial masyarakat Islam. Melalui wakaf, sekolah agama, madrasah, masjid, dan pusat kebajikan dibiayai untuk memastikan keperluan pendidikan dan sosial masyarakat dipenuhi. Namun, apabila Perancis merampas dan menstruktur semula tanah wakaf di bawah statut kolonial, sumber kewangan komuniti Islam semakin terjejas (Ashraf Booley, 2019). Peranan agama dalam memenuhi kehendak sosial masyarakat seperti menyediakan pendidikan percuma, bantuan kepada fakir miskin, serta pembangunan masyarakat

tidak lagi dapat berfungsi secara efektif. Hasil wakaf yang sepatutnya kembali kepada masyarakat dialihkan ke perbendaharaan Perancis untuk tujuan eksploitasi ekonomi. Akibatnya, daya tahan sosial masyarakat Islam semakin lemah, dan mereka terpaksa bergantung kepada struktur kolonial, sekali gus mengurangkan autonomi komuniti tempatan serta melemahkan solidariti sosial berasaskan agama. Oleh itu, mengurangkan fungsi wakaf memberi implikasi terhadap sosial masyarakat Tunisia pada pemerintahan kolonial Perancis.

7.0 KESIMPULAN

Kajian ini telah membincangkan bagaimana kolonialisme Perancis di Tunisia telah meninggalkan kesan yang mendalam terhadap struktur sosial, politik, dan ekonomi negara tersebut melalui pelaksanaan sekularisasi. Perancis memperkenalkan konsep sekularisme *laicite* yang bertujuan untuk mengasingkan agama daripada pemerintahan dan kehidupan awam, dengan matlamat utama melemahkan pengaruh Islam dalam masyarakat Tunisia. Dalam usaha mencapai objektif sekularisasi ini, kolonial Perancis telah mengubah sistem pendidikan, merapuhkan ekonomi umat Islam dengan ambil alih institusi wakaf, menjauhkan masyarakat daripada pendidikan agama dengan memperkenalkan pendidikan sekular berbahasa Perancis dan implementasi sistem perundangan Perancis yang memberi kesan terhadap sosial masyarakat Tunisia. Walaupun sekularisasi yang dilaksanakan oleh Perancis memberi perubahan terhadap landskap keagamaan kepada masyarakat Tunisia, namun ia turut mencetuskan gerakan nasionalisme dan anti-kolonialisme yang membawa kepada kemerdekaan Tunisia pada tahun 1956. Golongan elit yang menerima pendidikan Perancis akhirnya memainkan peranan penting dalam memperjuangkan kemerdekaan, walaupun mereka turut menerima nilai-nilai sekular yang diperkenalkan oleh kolonial Perancis. Secara keseluruhannya, sekularisasi yang dilakukan oleh Perancis terhadap masyarakat Tunisia memberi perubahan signifikan terhadap sosial, dimana menjadi tapak asas kepada sekularisasi yang lebih agresif pada pasca-kemerdekaan Tunisia yang dilaksanakan oleh Habib Bourguiba dan Ben Ali.

Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada para penilai kerana meluangkan masa dan usaha untuk menilai manuskrip ini. Penyelidikan ini tidak menerima sebarang geran atau pembiayaan.

Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini.

Rujukan

- Abdelkader Laallam, Salina Kassim and Buerhan Saiti, (2021) "Waqf in Algeria: Its historical Exploration from Ottoman to Post-Independence Era." *Journal of Islamic Thought and Civilization* 11(1), 132-158.
- Alexandra Betgeorge, (2010) "*Society's Views and the Personal Status Code: A Discussion of Tunisian Men and Women's Roles in Marriage and Divorce.*" Providence College
- Ashraf Booley, (2019) "Progressive Realisation of Muslim family law: The case of Tunisia." *Potchefstroom Electronic Law Journal/Potchefstroomse Elektroniese Regsblad* 22(1), 1-28.
- Amir Sahidin, (2022) "Islamisasi Ilmu Pengetahuan Al-Attas Menjawab Problematika Sekularisme Terhadap Ilmu Pengetahuan." *Imtiyaz: Jurnal Ilmu Keislaman* 6(2), 113-126.

- Benoit Gaumer, (2005). "Regard d'observateurs médicaux sur l'état sanitaire de la Tunisie sous le Protectorat Français (1881–1956)." *Canadian Bulletin of Medical History* 22(1), 83-102.
- Berna Oney. (2021). "The Ideological Dimensionality in the Middle Eastern and North African Constitutions: A New Era in the Evolution of Islamic Constitutionalism", *Political Studies Review* 19(2), 209-226
- Bogdanova et al., (2017). "Specific features of secularization in the modern western culture. *European Research Studies Journal*." XX(3B), 34-44
- Clement M Henry, (2018). "Political Elites in the Middle East and North Africa", *The Palgrave handbook of Political Elites* . Palgrave Macmillan
- Dalenda Larguèche, (2011) "Women, Family Affairs, and Justice: Tunisia in the 19th Century." *The History of the Family* 16(2), 142-151.
- Dede Ahmad Permana (2020) ."Majallah al akhw ā l ash-shakhshyyah." *Jurnal Studi Gender Dan Anak* 7(1),1-18.
- Francesco Cavatorta and Fabio Merone (2013). "Moderation through exclusion? The Journey of the Tunisian Ennahda from Fundamentalist to Conservative Party." *Democratization* 20(5), 857-875.
- Francesco Ragazzi (2023)."Counter-radicalization, Islam and *Laïcité*: Policed Multiculturalism in France's Banlieues." In *Fighting Discrimination in a Hostile Political Environment*, 41-61. Routledge,
- Greta Bonanno, (2019). "*The peculiarity of Tunisian Women Activism: Their Main Achievements in the last Century*."Luiss University
- Ibtissem Chacou, (2021)."Key Issues In The Field Of Macro-Sociolinguistics Of The Maghreb: Societal Debates And Contentious Discourse." *Journal of Sociolinguistics* 25(4): 513-532.
- Jane Freedman, (2004). "Secularism as a barrier to integration? The French Dilemma." *International Migration* 42(3), 5-27.
- Jamil M. Abun-Nasr, ed. (1987). A History of the Maghrib in the Islamic Period. Cambridge University Press.
- Jonathan Hauser, (2021). "Education, secularism, and illiberalism: Marginalisation of Muslims by the French State." *French Cultural Studies* 32(2), 149-162.
- Kenneth Perkins (2014). *A History of Modern Tunisia*, Cambridge University Press..
- Larbi Sadiki, (2004). "*The search for Arab Democracy: Discourses and Counter-discourses*." Columbia University Press.
- Méline Sommier, (2017). "Memories as a discursive strategy: Exploring representations of laïcité and Frenchness in Le Monde." *Cultural Dynamics* 29(4), 306-321.
- Mhamed Ben Salah, Cédric Chambru and Maleke Fourati, (2024). "The Colonial Legacy of Education: Evidence from Tunisia." *Journal of Comparative Economics* 52(4), 773-792.
- Mimoun Melliti and Imen Benamara, (2023). "Exploring Perspectives and Reform Dynamics: English Language Instruction in Tunisian Elementary Schools", *Studies in Humanities and Education* 4(1), 22-40.
- Nagwa Megahed and Stephen Lack, (2011). "Colonial Legacy, Women's Rights And Gender-Educational Inequality In The Arab World With Particular Reference To Egypt And Tunisia." *International review of Education* 57, 397-418.
- Noorjehan Joosub, and Sumayya Ebrahim, (2020)."Decolonizing The Hijab: An Interpretive Exploration By Two Muslim Psychotherapists", *Feminism & Psychology* 30(3), 363-380.

- Roland Riachi and Giuliano Martiniello. (2023). "Manufactured Regional Crises: The Middle East and North Africa under Global Food Regimes." *Journal of Agrarian Change* 23(4), 792-810.
- Rory McCarthy, (2014). "Re-thinking Secularism in Post-Independence Tunisia", *The Journal of North African Studies* 19(5), 733-750.
- S. E. Zaimeche, (1994). "Algeria, Morocco and Tunisia: Recent Social Change and Future Prospects." *Middle Eastern Studies* 30(4), 944-955.
- Silpia Ul'hak (2016). "Dampak Kebijakan Prancis terhadap Masyarakat Aljazair 1830–1914." Master dissertasi, UIN Syarif Hidayatullah Jakarta
- La Dépêche Tunisienne (1898), "Cours publics du soir." November 9, 1897.
<https://gallica.bnf.fr/ark:/12148/bpt6k1234567> access date
- République Française (1905).France *Loi du 9 décembre 1905 concernant la séparation des Églises et de l'État*, Paris: Journal Officiel de la République Française, Akses pada September 28, 2025.
<https://www.legifrance.gouv.fr/loda/id/LEGISCTA000006085401>.
- Constitution of the Fifth RepublicFrance. (1789) *Déclaration des Droits de l'Homme et du Citoyen de 1789*. Paris: Assemblée Nationale, 1789. Akses pada September 28, 2025. <https://www.assemblee-nationale.fr/histoire/dudh/1789>.
- Zaid Husaini Kamis, Mohd Roslan Mohd Nor & Aizan Ali @ Mat Zin, (2024). "Gerakan Islah di Tunisia pada Abad ke-19" *Al-Muqaddimah: Journal of Islamic History and Civilization* 12(1),1-10.